

18 AUG 1999

Pelaburan-China

CHINA LABUR RM4.5 BILION DI SABAH

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 18 Ogos (Bernama) -- Sebuah syarikat gergasi milik kerajaan Republik Rakyat China akan menyertai satu projek usaha sama pembukaan kilang kertas dan pembangunan ladang hutan di Sabah membabitkan pelaburan sebanyak RM4.5 bilion.

Upacara menandatangani perjanjian usaha sama antara Fuxin Pulp and Paper Industries of China, Innoprise Sabah Sdn Bhd (ISSB) and Lion Forest Industries itu berlangsung di Great Hall of the People di sini.

Upacara itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari China Zhu Rongji.

Ia sebahagian daripada tiga perjanjian yang ditandatangani sempena pertemuan kedua-dua pemimpin itu di dewan yang sama petang ini.

Perdana Menteri adalah dalam rangka lawatan kerja selama tiga hari ke China mulai hari ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu wartawan Malaysia pada akhir upacara itu bahawa mengikut perjanjian berkenaan, ISSB dan Lion Forest Industries, sebuah anak syarikat Kumpulan Lion dari Malaysia, akan memiliki 60 peratus ekuiti manakala syarikat China itu memegang 40 peratus.

Katanya, kilang kertas yang mempunyai keupayaan pengeluaran sebanyak 750,000 "air dried tonne" dan ladang hutan seluas 220,000 hektar akan terletak di Kalabakan, dekat Tawau.

Pihak China diwakili Penolong Pengarah Jawatankuasa Perancangan Negara Shi Cheng Meng, ISSB oleh pengerusinya Tan Sri Datu Khalil Datu Jamalul dan Kumpulan Lion oleh pengerusinya Tan Sri William Cheng.

Dua lagi perjanjian yang ditandatangani pada upacara itu ialah dalam bidang sains dan kejuruteraan, membabitkan Akademi Sains Malaysia, Akademi Sains China dan Akademi Kejuruteraan China.

Akademi Sains Malaysia diwakili penasihat sains kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, akademi Sains China oleh ketuanya Ru Yong Siong dan Akademi Kejuruteraan China oleh ketuanya Sung Jiang.

-- BERNAMA

AM MAI